

PENGAJARAN AIDILFITRI

Dr. Amini Amir Abdullah
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Alhamdulillah, pada pagi ini kita menyambut salah satu hari kebesaran Islam iaitu Aidilfitri setelah genap 30 hari kita berpuasa Ramadan. Haruslah kita ingat berlalunya bulan Ramadan bukanlah berakhir sudah tugas-tugas kita dan cukup setakat itu sahaja. Kejayaan kita berpuasa sebenarnya meningkatkan kebolehan kita untuk menghadapi cabaran dan dugaan, meningkatkan keimanan dan ketaqwaan. Inilah ukuran sama ada puasa kita berkesan ataupun tidak. Proses berpuasa sebenarnya melatih kita bukan sahaja menghadapi lapar dan dahaga, malah yang lebih penting ialah melatih dan mendisiplinkan diri kita mengekang dan mengawal hawa nafsu, melatih diri merasakan penderitaan dan kesusahan orang-orang yang menderita di samping menuaikan kewajipan terhadap Allah s.w.t..

Latarbelakang Sejarah Takbir Aidilfitri dan Pengajarannya

Pada setiap hariraya umat Islam berikrar:

"Tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah. Dan kami tidak sembah melainkan dia dengan penuh ikhlas, bagi Allah sahaja agama, meskipun dibenci oleh orang-orang kafir. Tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah dengan keesaanNya. Benarlah janjiNya memberi pertolongan kepada hambaNya dan memberikan kemuliaan serta kemenangan kepada tenteraNya dan membinasakan tentera Ahzab dengan keesaanNya."

Ikrar ini diulang-ulangkan berkali-kali pada malam hariraya, hari raya dan seterusnya hari-hari berikutnya. Marilah kita renungi kembali latarbelakang kepada lafaz-lafaz ini

dengan merujuk kepada sirah Rasulallah s.a.w. iaitu Peperangan al-Ahzab atau Peperangan Khandaq yang mempunyai pertalian yang rapat dengan lafaz yang kita ucapkan di setiap awal hariraya ini.

Di dalam peperangan al-Ahzab atau peperangan Khandaq yang berlaku pada tahun 5 hijriyyah di kota Madinah, tentera Islam mengandungi kekuatan seramai 3000 orang manakala tentera bersekutu (yakni tentera Ahzab) mengandungi kekuatan seramai 10000 orang yang terdiri daripada kafir Quraish dibantu pula oleh puak-puak Yahudi dan Arab seperti Bani Nadir, Quraizah dan Bani Wail. Meletusnya peperangan ini disebabkan kuatnya hasrat orang-orang kafir untuk menghapuskan Nabi Muhammad s.a.w. dan para pengikutnya yang terpendam begitu lama. Orang-orang kafir merasa kuat dan sompong selepas kemenangan mereka dalam Peperangan Uhud.

Tentera al-Ahzab mengepung bandar Madinah tetapi cubaan mereka untuk memasuki bandar Madinah gagal. Ada satu kumpulan Yahudi yang pada ketika itu mendiami di dalam kota Madinah iaitu Bani Quraizah. Mereka ini menimbulkan kekacauan dari dalam kota tersebut. Namun demikian tentera-tentera Ahzab ini gagal untuk menguasai kota Madinah selepas hampir sebulan mengepungnya. Ini membuatkan mereka pulang dan berundur tanpa membawa apa-apa kemenangan. Sebenarnya, beberapa hari sebelum mereka berundur, Allah telah menurunkan para malaikat beserta dengan ribut pasir serta taufan untuk mengucar-ngacirkan kedudukan tentera-tentera Ahzab. Hal ini diceritakan oleh Allah di dalam al-Quran:

"Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah nikmat Allah yang dikurniakan kepadamu, ketika datang kepadamu tentera-tentera (yakni tentera ahzab), lalu kami kirimkan kepada mereka angin taufan dan tentera yang tidak dapat kamu lihatnya (yakni para malaikat). Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan".

Dengan pertolongan Allah ini pihak kafir telah jatuh moral dan semangat mereka untuk terus berperang, lalu mereka berundur. Di pihak Islam pula, mereka menghadapi berbagai kesukaran di dalam peperangan ini. Ini diceritakan oleh Allah s.w.t.:

'Ketikamana mereka datang kepadamu dari atas dan dari bawahmu (yakni dari segenap penjuru) dan ketika tidak tetap lagi penglihatanmu dan hatimu naik sesak sampai ke lubang tenggorokmu dan kamu menyangka terhadap Allah dengan bermacam-macam sangkaan buruk. Disitulah diuji orang-orang Mukmin dan digoncangkan dengan goncangan yang bersangatan."

Sebenarnya ayat ini menggambarkan bagaimana hebatnya perasaan takut dan gementar perasaan umat Islam ketika itu hinggakan ada diantaranya syak yang bukan-bukan terhadap Allah s.w.t.. Ayat ini menegaskan inilah sebenarnya ujian daripada Allah s.w.t.. Dengan adanya Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya, umat Islam dipujuk supaya bersabar, tabah, yakin serta bertawakkal kepada Allah dan akhirnya umat Islam mencapai kemenangan dengan bertempiaran larinya golongan Ahzab setelah datang pertolongan Allah.

Pengajaran yang boleh kita pelajari daripada peristiwa ini ialah:

- 1- Hidup dan perjuangan kita di atas mukabumi ini haruslah berperancangan dan berstrategi rapi.
- 2- Kita sebagai orang Islam dalam usaha mendaulatkan Islam di atas bumi Allah ini haruslah tahan uji dan tahan dugaan. Hidup kita adalah ujian. Orang yang mampu bertahan dengan ujian Allah adalah orang yang akan mendapat keredhaan Allah.

3- Pahatilah ikrar kita dengan Allah pada setiap hariraya ini di dalam sanubari masing-masing. "Tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah. Dan kami tidak sembah melainkan dia dengan penuh ikhlas, bagi Allah sahaja agama, meskipun dibenci oleh orang-orang kafir. Tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah dengan keesaanNya. Benarlah janjiNya memberi pertolongan kepada hambaNya dan memberikan kemuliaan serta kemenangan kepada tenteraNya. Membinasakan tentera Ahzab dengan keesaanNya." Ikrar kita ini adalah sumber keyakinan dan kekuatan. Tiupkanlah rohnya dalam semangat dan aspirasi kehidupan kita. Percayalah sesiapa yang menolong agama Allah nescaya Allah akan menolongnya. Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan memberikan kepadanya jalan keluar dan rezeki yang tidak disangka.

4- Kita akan sentiasa berhadapan dengan cabaran daripada luar dan dalam sama ada daripada orang-orang kafir, munafiq atau mereka yang pro dengan kedua-dua golongan itu. Kadang-kadang mereka tidak lagi menggunakan senjata api, senjata berat ataupun letusan. Mereka menggunakan senjata penyerangan pemikiran dan gerakan pembaratan pula. Menurut Anwar al-Jundi, serangan cara baru ini telah membenamkan racun berbisa ke dalam jiwa, diri, masyarakat dan negara umat Islam. Pihak penjajah telah berjaya meneggelamkan pengaruh teks-teks karya ulama Islam daripada kurikulum sistem pendidikan dengan cara menguasai sistem pendidikan dan memperkenalkan sistem pendidikan Barat di negara-negara umat Islam. Ini semua adalah perancangan jangkamasa panjang puak Zionis, kolonialis dan komunis. Satu perkara utama yang dibangkitkan oleh Anwar al-Jundi ialah bahawa peperangan pemikiran ini mendapat agenda utama pihak Barat kerana mereka sedar umat Islam masih mempunyai aqidah sebagai sumber kekuatan jihad. Justeru itu peperangan pemikiran ini ditumpukan demi untuk merosakkan aqidah. Apabila tunjang aqidah yang menjadi toggak kepada keimanan rosak, senanglah mereka menyucukkan jarum-jarum suntikan maut mereka ke dalam diri umat Islam.

Hari Lebaran Aidilfitri: Hari Kegembiraan

Merayakan hariraya haruslah dengan tiga cara. Pertama, bukanlah mengenyangkan perut semata-mata bahkan yang lebih utama ialah dengan cara pengenyanan jiwa atau rohani kita iaitu dengan cara mengingati saudara Muslim kita yang hidup menderita. Kita bukan sahaja diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah malahan amat dituntut memperbanyakkan bersedekah.

Kedua, memperbanyakkan lafaz tahlil, takbir dan tahmid. Kita bertahlil, bertakbir dan bertahmid membesarlu nama Allah sebagai tanda kesyukuran memberi inayah, hidayah dan pendorong kepada kita melaksanakan ibadah puasa. Yang terpenting ialah lafaz-lafaz ini hendaklah diresapi oleh jiwa yang hidup, tulus ikhlas dan pengertian-pengertiannya mendorong ketaqwaan kepada Allah. Apa yang kita perolehi sekarang, nyawa, jasad, kesenangan dan apa juu nikmat adalah daripada Allah. Allah boleh pada bila-bila masa, di mana-mana juu mencabut kembali anugerahnya kepada kita dan dengan sekelip mata sahaja ianya akan hilang. Dengan bertakbir dan bertasbih juga kita akan sedar bahawa kita tidak boleh sompong, bongkak, takabbur, ujub dan riya' dengan apa juu kemewahan atau kedudukan yang kita miliki. Semuanya adalah daripada Allah dengan belas ihsanNya juu. Di pagi Aidilfitri ini kita digalakkan bertakbir, bertahmid dan bertahlil sebagai rasa syukur kita terhadap hidayah dan inayah yang Allah berikan kepada kita melaksanakan ibadah puasa dengan penuh rasa keinsafan dan kesabaran.

Ketiga, membudayakan amalan ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan. Justeru, Hari Raya Aidilfitri merupakan detik terbaik untuk bermaaf-maafan dan melupakan pertelingkahan. Budaya 'buang yang keruh, ambil dan jernih' memang amat sesuai sekali diamalkan pada musim perayaan ini. Nyahhalaukan pertelingkahan peribadi, perbezaan ideologi politik, perbezaan pendapat dan perselisihan faham. Wujudkan

semula kesatuan dan perpaduan di kalangan kita demi agama dan ke arah mengwujudkan negara yang aman harmoni.

Sepanjang 30 hari yang lepas juga mengingatkan kita kepada situasi yang serba mencabar, getir dan jerih. Pada hari ini kita berhadapan dengan suasana yang berlainan pula yang penuh dengan keriangan dan kegirangan kerana berjaya menunaikan salah satu daripada rukun Islam dan suruhan Allah s.w.t.. Tambahan pula diharamkan berpuasa pada hari ini adalah bukti bagaimana Allah menggalakkan hamba-hambanya menyambut kejayaan menghadapi tugas-tugas puasa dan kembalinya kondisi manusia dari segi fitrahnya bersih dari sebarang dosa.

Inilah juga realiti dan hakikat di dalam kehidupan manusia. Hidup kita ibarat orang yang berpuasa yang penuh dengan berbagai cabaran dan dugaan. Hidup kita juga tidak sunyi daripada detik-detik kegembiraan dan kemeriahian. Tetapi harus diingat, detik-detik yang penuh cabaran dan dugaan lebih banyak mengisi setiap saat kehidupan manusia. Janganlah kita tenggelam di dalam kegembiraan dan kemeriahian.

Iktibar Di Sebalik Aidilfitri

Ini mengingatkan kita kepada rakan-rakan Muslim kita di Palestin, Kashmir dan Chehcnya. Kita bersyukur kerana dapat berpuasa dalam suasana aman, harmoni dan selesa. Entah berapa ramai umat Islam berpuasa dalam suasana penuh ketakutan, bimbang, tidak selesa, kesejukan dan berbagai-bagai keadaan yang sungguh tidak menyenangkan. Bagaimana mereka berpuasa dan bertarawih dalam suasana ancaman peperangan? Bagaimana pula anak yatim, orang kurang upaya, warga tua, fakir miskin dan ibu tunggal berhariraya? Apakah kita sanggup bersukaria sedangkan saudara Muslim kita yang lain merana? Hariraya ini mengingatkan kita kepada penderitaan saudara seMuslim kita yang menderita. Bagaimanakah mereka

berhariraya, adakah mereka berbaju baru, berjuadah hidangan yang enak-enak, bersembahyang hariraya di tempat yang selesa tanpa sebarang ketakutan daripada serangan-serangan bom? Apakah kita rela sibuk ketawa dan bersukaria ketikamana rakan-rakan kita di sana dianaiya dan dizalimi dengan penuh biadab dan tidak berperikemanusiaan? Ingatlah satu peringatan nabi Muhammad s.a.w.:

"**Sesiapa yang tidak mengambil berat tentang urusan orang-orang Islam maka ia bukanlah daripada kalangan orang-orang Islam**".

Marilah kita sebagai orang yang menjunjung tinggi risalah Allah dan Nubuwwah junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. memberikan perhatian yang serius terhadap peristiwa ini. Batas-batas sempadan geografi yang memisahkan persaudaraan Islam sejagat hanyalah perancangan penjajah yang ingin melihat umat Islam terpisah-pisah di antara satu sama lain. Setiap orang Islam yang mempunyai nur iman dan keyakinan kepada Islam serta perhubungan persaudaraan Islam akan terasa di dalam hati mereka suatu perasaan yang memilukan hati. Sebabnya orang-orang mukmin itu ibarat satu tubuh badan, apabila satu anggota badan sakit maka seluruh anggota badan akan turut merasa sakit. Sabda Rasulallah s.a.w.:

"**Bandingan hubungan di antara sesama mukmin itu samalah seperti anggota pada satu tubuh badan, apabila salah satu anggotanya sakit maka seluruh anggota-anggota yang lain akan turut merasai sakit dan demam.**"

Pihak Barat tidak akan merasa selesa melihat Islam kembali menyinar dan bertapak di Benua Eropah. Sungguhpun satu demi satu entiti politik masyarakat Islam terbentuk di Eropah seperti Bosnia dan Chenchnya, pihak Barat sebenarnya tidak senang duduk dan mereka tidak akan senang hati. Mereka takut Islam akan berkembang ke seluruh benua Eropah dan seterusnya menguasai kekayaan dan legitimasi politik negara-

negara Eropah. Mereka juga tahu kepentingan-kepentingan Kristian di Eropah akan terjejas. Apatah lagi Eropahlah merupakan lambang kemashuran agama Kristian.

Saban hari kita dihidangkan dengan berita-berita penindasan terhadap umat Islam sedunia, di Chechnya, Lubnan, Palestin, Kashmir dan lain-lain. Sampai bila kita mahu saudara seagama kita dizalimi dan ditindas. Marilah kita kembali kepada Islam. Kita kuatkan kembali aqidah Islam kita yang menjadi tunjang keimanan. Kita singkirkan aliran-aliran pemikiran yang menjadi virus di dalam kehidupan kita. Marilah kita nyahhalaukan aliran pemikiran yang bertentangan dalam Islam yang memundurkan umat Islam.